

FIQH AWLAWIYYAT IN THE DETERMINATION OF FATWA RELATED TO COVID-19: AN ANALYSIS OF SELECTED FATWA

FIQH AWLAWIYYAT DALAM FATWA BERKAITAN COVID-19: ANALISIS FATWA TERPILIH

Abdul Manan Ismailⁱ, Mushaddad Hasbullahⁱⁱ, Irwan Mohd Subriⁱⁱⁱ, Lukman Abdul Mutalib^{iv}, Mohd Soberi Awang^v & Shahirah Hafiz Mohd Tahir Naeem^{vi}

- i (Corresponding author). Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Pengerusi, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). manan@usim.edu.my
- ii Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Ahli Jawatankuasa, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). mushaddad@usim.edu.my
- iii Pengarah, Institut Fatwa dan Halal (IFFAH); Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Setiausaha, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). irwan@usim.edu.my
- iv Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). lukman@usim.edu.my
- v Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). soberi@usim.edu.my
- vi Pembantu Penyelidik, FSU, USIM. shahirahtahir18@gmail.com

Abstract	<p><i>The emergence of the coronavirus known as Covid-19 since November 2019 had triggered a new norm in the life of today's society around the world when the World Health Organization (WHO) declared it as a pandemic in March 2020. The whole community must adhere to the standard operating procedures (SOP) set by the Ministry of Health while conducting daily activities to prevent and control infections in the face of Covid-19 to reduce the risk of infection. A variety of challenges, questions, and emerging issues require fatwa as a reference in the implementation of daily activities for the Muslim community, especially in the context of worship. In solving this global pandemic, Islam has provided the best guidance in solving problems, known as Fiqh Awlawiyyat, the mechanism of selecting priorities in the implementation of a decision to be taken for an issue. Thus, this paper aims to analyse the use of the Fiqh Awlawiyyat method in determining fatwa related to the issue of Covid-19. The objectives of this study are to identify the position of fatwa as a legal basis in Islamic law, to study the method of fatwa in the current issue and to analyse the application of Fiqh Awlawiyyat method in fatwa related to the issue of Covid-19. This study is a qualitative study that focuses only on library studies. The results of the study found that the method of Fiqh Awlawiyyat is used and applied in the determination of fatwa related to the issue of Covid-19. The approach of Fiqh Awlawiyyat used is based on ijtihad awlawiyy by researching the Islamic law sources, aligning the law based on Maqasid Syariah in the current context, making considerations between masalih and mafasid and taking into account current factors of the local community.</i></p> <p>Keywords: Covid-19, Awlawiyyat, Fatwa, Masalih, Mafasid.</p>
-----------------	--

Abstrak	<p><i>Kemunculan virus korona yang dikenali sebagai Covid-19 semenjak November 2019 telah mencetuskan norma baharu dalam kehidupan Masyarakat masa kini di seantero dunia apabila Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) mengisytiharkannya sebagai pandemik pada Mac 2020. Seluruh Masyarakat perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan semasa menjalankan aktiviti harian sebagai langkah pencegahan dan kawalan infeksi dalam menghadapi wabak Covid-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan. Rentetan itu, pelbagai cabaran, persoalan dan isu-isu baru muncul yang memerlukan kepada fatwa bagi meneruskan pelaksanaan aktiviti harian dalam kehidupan Masyarakat Islam khususnya dalam konteks ibadah. Dalam menghadapi pandemik global ini, Islam telah memberikan panduan terbaik dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul antaranya mekanisme pemilihan keutamaan dalam pelaksanaan sesuatu keputusan yang ingin diambil bagi sesuatu isu, ia dikenali sebagai Fiqh Awlawiyyat. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis pemakaian kaedah Fiqh Awlawiyyat dalam fatwa-fatwa yang dikeluarkan berkaitan isu Covid-19. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti kedudukan fatwa sebagai dasar hukum dalam perundangan Islam, mengkaji kaedah berfatwa dalam isu semasa dan menganalisis penggunaan kaedah Fiqh Awlawiyyat dalam penetapan fatwa berkaitan isu Covid-19. Kajian ini adalah kajian kualitatif yang hanya menfokuskan kepada kajian kepustakaan. Hasil kajian mendapati bahawa metode Fiqh Awlawiyyat diaplikasikan dan diterapkan dalam penetapan fatwa yang dikeluarkan berkaitan isu Covid-19. Pendekatan Fiqh Awlawiyyat yang digunakan adalah bersandarkan kepada metode ijthad awlawiyy dengan membuat penelitian terhadap nas-nas Syarak, menyelaraskan hukum berdasarkan Maqasid Syariah dalam konteks semasa, membuat pertimbangan masalih dan mafasid, dan mengambil kira faktor semasa Masyarakat setempat.</i></p> <p>Kata Kunci: Covid-19, Awlawiyyat, Fatwa, Masalih, Mafasid.</p>
----------------	--

PENDAHULUAN

Kes pertama Covid-19 di Malaysia telah disahkan pada 24 Januari 2020 oleh Menteri Kesihatan pada ketika itu, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad. Tiga kes pertama yang dikesan positif melalui ujian yang dijalankan oleh MKAK (Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan) membabitkan warganegara China yang telah memasuki Malaysia melalui Johor dari Singapura. Warga China yang disahkan positif merupakan ahli keluarga terdekat kepada kes pertama Covid-19 di Singapura (Astro Awani, 2020).

Berikutan itu, jangkitan wabak tertular kepada warga tempatan dan mencatatkan peningkatan kes dan kadar kematian hari demi hari merebak ke setiap bandar, daerah, wilayah dan Negeri sehingga meliputi seluruh Negara. Kepantasan penularan wabak ini telah dideklarasikan sebagai pandemik oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) pada 11 Mac 2020 kerana menjangkau paras global (Berita Harian Online, 2020).

Oleh itu, pihak kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 bermula 18 Mac 2020 sehingga 9 Jun 2020, selama hampir 3 bulan bagi membendung penyebaran wabak Covid-19 daripada terus berleluasa. (Kenyataan Media Majlis Keselamatan Negara, 2020)/

Walau bagaimanapun, pelaksanaan PKP oleh pihak kerajaan bukan sahaja menyebabkan kemelesetan ekonomi bahkan turut memberi kesan dalam

pelaksanaan ibadah khususnya bagi umat Islam. Hal ini disebabkan oleh keputusan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) bagi penutupan dan penangguhan segala aktiviti masjid dan surau termasuk solat berjemaah dan solat jumaat, hasil perbincangan menerusi Mesyuarat Khas pada 15 Mac 2020. (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020).

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menetapkan prosedur operasi standard (SOP) yang perlu dipatuhi oleh setiap penduduk Malaysia sebagai satu langkah untuk mencegah penularan wabak Covid-19. Antara prosedur yang perlu dipatuhi adalah pemakaian pelitup muka, sanitasi tangan, penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter antara satu dengan yang lain dan pengambilan suhu setiap kali memasuki premis atau berurusan di luar yang memerlukan kepada pertembungan fizikal. (Kementerian Kesihatan Malaysia, 2020).

Namun begitu, pematuhan kepada SOP dalam pelaksanaan ibadah di tempat awam, masjid dan surau dengan pemakaian pelitup muka dan pengamalan penjarakan fizikal sebanyak 1 meter ketika solat berjemaah menimbulkan isu dan kekeliruan dalam kalangan Masyarakat Islam sehingga menyebabkan pertelingkahan kerana perbuatan tersebut bercanggah dengan hadis dan amalan nabi. Oleh yang demikian, Masyarakat Islam memerlukan kepada fatwa yang jelas mengenai pelaksanaan ibadah dengan mematuhi SOP untuk dijadikan sebagai rujukan dan panduan supaya dapat memberikan kerjasama dalam memutuskan rantaian Covid-19.

Bagi menemukan penyelesaian kepada permasalahan yang timbul, kaedah *Fiqh Awlawiyyat* merupakan mekanisme terbaik untuk dijadikan sebagai panduan dalam penetapan sesuatu hukum mengikut keutamaan bagi pelaksanaan sesuatu keputusan yang ingin diambil bagi sesuatu isu. Justeru, berdasarkan fatwa-fatwa yang dikeluarkan melalui Majlis dan Jawatankuasa Fatwa dalam menghadapi Covid-19, kajian ini akan menganalisis pemakaian kaedah *Fiqh Awlawiyyat* dalam fatwa yang dikeluarkan melalui beberapa Badan Fatwa Berautoriti seperti Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI), Majlis Ulama Indonesia (MUI) dan Dar al-Ifta' al-Misriyyah (Jawatankuasa Fatwa Mesir) dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan Covid-19 dalam konteks ibadah.

KEDUDUKAN FATWA SEBAGAI DASAR HUKUM

Fatwa merupakan salah satu instrumen yang penting bagi membantu perkembangan hukum Islam. (Umami Farahin et al., 2013). Fatwa berperanan sebagai panduan dan rujukan hukum bagi Masyarakat Islam dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan agama. Ia membimbing dan menerangkan kepada Masyarakat awam tentang hukum-hukum Islam yang meliputi aspek kehidupan, amalan dan kepercayaan (Hidayat Buang, 2004).

Selain itu, ia juga berperanan sebagai suatu jalan penyelesaian yang dapat meleraikan salah faham dan kekusutan yang dihadapi oleh Masyarakat Islam dalam konteks semasa mengenai isu-isu yang timbul yang melibatkan permasalahan individu mahupun Masyarakat am. (Raihanah Abdullah, 2004) Justeru, fatwa dipandang sebagai salah satu alternatif yang boleh memecahkan kebekuan dalam perkembangan hukum Islam (Ahmad Mukhlisin et al., 2018) dalam menangani isu dan permasalahan agama yang berbangkit.

KONSEP FATWA

Secara umumnya, Fatwa difahami sebagai jawapan kepada persoalan atau permasalahan hukum yang diajukan oleh *Mustafti* (penyoal) kepada *Mufti* (orang yang disoal). Menurut Ibn Manzur (1984-1986), Fatwa disebut dengan tiga sebutan iaitu *al-futya*, *al-fatwa*, dan *al-fatwa* yang membawa maksud dari sudut bahasa sebagai "penjelasan tentang sesuatu perkara oleh seseorang faqih". Fatwa dan *Futya* merupakan kata nama (*isim*) bagi masdar yang diletakkan pada tempat *ifta'*. *Al-Futya* lebih banyak digunakan dalam perkataan Arab berbanding *al-fatwa*.

Setelah dibuat penelitian mengenai definisi dari sudut bahasa, fatwa boleh ditakrifkan sebagai jawapan, penerangan dan penjelasan dalam sesuatu permasalahan yang berkaitan dengan hukum iaitu:

- i. Penjelasan tentang suatu perkara oleh seseorang yang *faqih*.
- ii. Memberi jawapan bagi sesuatu permasalahan oleh seorang *faqih*.
- iii. Penerangan berkenaan perkara yang mempunyai kemusykilan dan kesamaran tentang hukum oleh seorang *faqih*.

Fatwa secara istilahnya memiliki pelbagai maksud dan huraian di sisi sarjana Islam. Sebahagian ulama dan mufti menggunakan lafaz *fatwa* dan sebahagian yang lain menggunakan lafaz *ifta'* dalam penjelasan hukum. Justeru, akan dijelaskan di dalam takrifan bagi kedua-dua lafaz tersebut.

Menurut al-Mallah (2011), fatwa ialah jawapan terhadap apa yang samar-samar daripada hukum dengan *dalil syar'iy*, maka ia adalah hukum Syarak yang diterangkan oleh mufti berkemampuan dan mahir dari segi pengetahuan terhadap hukum-hukum semasa berdasarkan *dalil syar'iy*. Ibn Hamdan (1960) pula mendefinisikan fatwa sebagai perbuatan menjelaskan hukum Syarak daripada dalil bagi sesiapa yang bertanyakan mengenainya.

Abd al-Karim Zaydan (2002) menyatakan fatwa adalah petikan jawapan oleh mufti atau merupakan hukum Syarak yang dikhabarkan tentangnya oleh Mufti dengan fatwanya.

Adapun lafaz *ifta'* berasal daripada perkataan *afta* yang merujuk kepada satu perbuatan menetapkan fatwa tentang sesuatu hukum atau kepentingan hukum yang dikeluarkan oleh seorang *faqih* atau boleh difahami sebagai proses fatwa. (Ibn Salah, 1986) *Ifta'* dari sudut bahasa diambil daripada *al-ibanah* yang bermaksud penjelasan.

Takrifan yang paling sesuai digunakan bagi fatwa di dalam perbahasan kajian adalah sebagaimana yang dinyatakan al-Mallah (2011) dan juga Al-Ashqar (1976) yang mendefinisikan *ifta'* sebagai pengkhabaran hukum Allah SWT daripada *dalil syar'iy* bagi sesiapa yang bertanyakan tentangnya dalam perkara *nawazil* (isu semasa). Ini kerana, isu Covid-19 merupakan isu baharu yang menimbulkan pelbagai persoalan dalam kalangan Masyarakat Islam khususnya dalam pelaksanaan ibadah. Justeru, setiap persoalan yang diajukan memerlukan kepada fatwa sebagai penjelasan dan sandaran hukum.

KLASIFIKASI FATWA

Berdasarkan kepada definisi dari segi bahasa dan istilah, fatwa boleh diklasifikasikan kepada dua bentuk:

Fatwa Sebagai Pengkhabaran Hukum

Fatwa yang dikeluarkan semata-mata bersifat sebagai suatu penjelasan dan keterangan tentang hukum yang sedia ada di dalam sumber hukum *Syarak* tanpa perlu membuat *tarjih* atau ijtihad hukum disebabkan pensyariatannya yang jelas. Dalam situasi ini, tugas seorang *mufti* hanyalah sekadar membuat penjelasan dan penerangan sahaja dengan mengkhabarkan hukum yang sedia ada. Ia cuma suatu nukilan hukum tanpa melibatkan sebarang usaha membuat penelitian dan kajian untuk mengeluarkan hukum dengan memerah keringat dalam berfikir (Zulkifli al-Bakri, 2020).

Fatwa Dalam Bentuk Ijtihad

Fatwa yang dikeluarkan dalam bentuk ijtihad boleh diklasifikasikan kepada dua cara penentuan hukum iaitu dengan menggunakan kaedah *qiyas* (membuat penentuan hukum mengikut hukum yang sedia ada) dan juga membuat penyelidikan dan kajian dengan menggunakan metode-metode ijtihad yang sedia ada dalam penentuan hukum baharu.

i. Penentuan Hukum Menggunakan Kaedah *Qiyas*

Dalam keadaan ini, *mufti* telah mempunyai pengetahuan dan maklumat mengenai hukum tekstual (asal) yang mempunyai ciri-ciri dan sifat kes yang sama dengan isu baharu yang

ditanyakan oleh *mustafti*. Fatwa ini disebut sebagai proses *tahqiq al-manat* (siasatan *illat*) yang memberi maksud proses pelaksanaan dan pemakaian *illah* (sebab) hukum yang dipetik daripada teks perundangan atau ijmak kepada isu yang baru. *Tahqiq al-manat* adalah proses meneliti, mengkaji, dan mengenalpasti dalam *mentahqiqkan* 'illah' yang telah *sabit* dengan nas, atau ijmak, atau istinbat hukum, pada kejadian atau permasalahan yang tidak terdapat padanya nas.

Sebagai contoh boleh dilihat menurut ijtihad imam Abu Hanifah dalam isu istinbat hukum mengenai minuman yang memabukkan (*nabiz*) selain daripada Arak. Hukum meminum arak (*usul*) adalah haram kerana *illahnya* memabukkan maka hukum tersebut *diiyaskan* juga kepada *nabiz* (*far^c*), haram diminum kerana *illahnya* sama iaitu memabukkan. (al-Sabuni, 2007) Oleh itu, *Mufti* akan berijtihad bagi menentukan adakah persamaan *illah* hukum antara hukum yang pernah diputuskan sebagaimana yang sudah sedia dimaklumi dengan persoalan baru yang dikemukakan. Jika wujud persamaan di antara keduanya maka *mufti* akan membuat penentuan hukum kepada kes baharu dengan menggunakan kaedah *qiyas* (membuat penentuan hukum mengikut hukum yang sedia ada) (Zulkifli al-Bakri, 2020).

ii. Penentuan Hukum Baharu Dengan Menggunakan Metode-Metode Ijtihad

Situasi ini berlaku dalam keadaan *mufti* belum mempunyai apa-apa maklumat hukum tentang persoalan yang ditanya sama ada tentang kes yang terdahulu (hukum asal) yang menjadi asas dalam memberikan hukum ataupun kes baru yang sedang dibangkitkan. Dalam keadaan sebegini, para ulama dan mufti perlu mengerahkan tenaga dan usaha untuk membuat kajian, penelitian dan penyelidikan terhadap mana-mana sumber yang difikirkan berkaitan dengan persoalan yang dihadapkan kepadanya untuk mengemukakan jawapan fatwa yang tepat. Usaha penyelidikan ini sebenarnya adalah ijtihad dan jawapan yang akan dikemukakan dan hasil daripada ijtihad adalah merupakan fatwa hukum (Ibn Hamdan, 1960 & Zulkifli al-Bakri, 2020)

KAEDAH BERFATWA DALAM ISU SEMASA

Dalam proses membuat ijtihad hukum sebelum sesuatu fatwa itu dikeluarkan, ada beberapa kaedah, pertimbangan dan faktor yang perlu ditelusuri oleh seseorang mufti dalam penentuan hukum iaitu:

a. Mengklasifikasikan Isu

Apabila terjadinya sesuatu isu yang memerlukan kepada pandangan hukum atau fatwa sebagai rujukan, hendaklah diklasifikasikan terlebih dahulu sama ada ia adalah:

- i. Isu yang telah diputuskan secara ijmak atau khilaf.
- ii. Isu yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa melalui fatwa klasik atau kontemporari yang memerlukan pindaan atau semakan semula dengan menyesuaikan hukum mengikut peredaran zaman dan faktor semasa.
- iii. Isu baharu (kontemporari) yang tiada ketetapan hukum dalam sumber Syarak mahupun fatwa klasik.

b. Menerapkan Kaedah Usul Fiqh

Membuat rujukan dan mengambil kira keutamaan sumber hukum Syarak (disepakati dan tidak disepakati) dalam proses istidlal dan istinbat hukum bersandarkan kepada kaedah Usul Fiqh iaitu dengan menjelaskan nas Quran dan Hadis dalam menetapkan hukum dengan menggunakan analisis *lughah* (bahasa) iaitu:

- Analisa berdasarkan kepada makna lafaz.
- Analisa berdasarkan kepada pemakaian makna (penggunaan lafaz pada makna).
- Analisa berdasarkan kepada terang dan samarnya makna.
- Analisa berdasarkan penunjukan lafaz kepada makna menurut maksud *Shari'* (Pencipta hukum Syarak).

c. Menjauhi Sifat Jumud

Seseorang mufti perlu berusaha bersungguh-sungguh dalam membuat penyelidikan terhadap setiap masalah yang diajukan kepadanya dan tidak bergantung semata-mata kepada fatwa sebelumnya. Ini kerana, sikap bertaqlid dan jumud kepada fatwa-fatwa klasik yang dimuatkan dalam kitab-kitab turath secara mutlak tanpa melihat kepada kaedah pendalilan dan pengistinbatan mengikut kaedah Usul Fiqh akan menghasilkan fatwa yang tidak rasional dan tidak dilihat relevan untuk dijadikan sebagai pengurai masalah (Faez & Noor Naemah, 2014)

d. Menyelaraskan Dengan Maqasid Syariah

Memahami dan meraikan kepentingan Objektif Syariah (Maqasid Syariah) mengikut peringkat keutamaan *Daruriyyat*, *Hajiyyat* dan *Tahsiniyyat* supaya fatwa yang dikeluarkan bertepatan dengan kehendak Syarak.

e. Meraikan Fiqh Ma'alat

Memikirkan *ma'alat* dan *sadd al-dhari'ah* iaitu natijah dan kesan daripada keputusan yang dikeluarkan mestilah bersandarkan kepada pertimbangan antara *masalih* (kebaikan) dan *mafasid* (keburukan) dan menutup segala pintu-pintu yang membawa kepada kerosakan.

f. Meraikan Maslahat Umum

Seseorang mufti hendaklah mengeluarkan fatwa berdasarkan *maslahah* dan kekuatan dalil. *Maslahah* yang diambil kira hanyalah *maslahah* awam dan bukannya *maslahah* peribadi (Zulkifli al-Bakri, 2011).

g. Meraikan Waqi' Dan Uruf (Adat)

Mendalami *waqi'* iaitu faktor semasa (perubahan zaman, masa, tempat, ekonomi, cuaca, iklim) dan mengambilkira realiti kehidupan semasa serta uruf masyarakat supaya hukum yang ditetapkan membawa manfaat dan menolak mudarat bersesuaian dengan keperluan dan hajat manusia bersandarkan kepada objektif Syarak.

Pemahaman mengenai realiti semasa merupakan asas penting sebelum sesuatu fatwa dihasilkan kerana ia menggambarkan situasi dan keadaan yang sebenar bagi setiap persolan yang diajukan. Ini selaras dengan kaedah fiqh "*taghayyur al-ahkam bi taghayyur al-zaman wa al-makan*" iaitu hukum (fatwa) berubah akibat berubahnya tempat dan masa (Umami Farahin et al., 2013).

h. Merujuk Kepada Ahli Ikhtisas

Isu *nawazil* merupakan isu-isu baharu yang tiada ketetapan hukum padanya dan perlu dibuat ijtihad hukum dengan mengambil pandangan daripada mereka yang mempunyai kepakaran di dalam bidang-bidang tertentu. Contohnya seperti isu Covid-19 yang melanda dunia, perlu untuk mendapatkan pandangan daripada pakar perubatan terlebih dahulu untuk menetapkan sesuatu hukum agar tidak memberi mudarat kepada manusia. Oleh itu, sebelum sesuatu hukum ditetapkan melalui proses ijtihad, para mufti dan ulama hendaklah merujuk kepada ahli yang pakar dalam sesuatu bidang bagi menyelesaikan permasalahan yang timbul sepertimana Firman Allah SWT:

﴿فَاسْأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ﴾

Maksudnya, "Oleh itu bertanyalah kamu (wahai golongan musyrik) kepada orang-orang yang berpengetahuan agama jika kamu tidak mengetahui" (al-Quran. al-Nahl: 43).

i. Mempertimbangkan Fiqh Awlawiyyat

Mendahulukan *awlawiyyat* iaitu keutamaan bagi pelaksanaan hukum jika terdapat kewajaran lain untuk dipertimbangkan dalam penentuan hukum berlandaskan metode-metode *Fiqh Awlawiyyat*. Keutamaan pelaksanaan hukum perlu dipertimbangkan dalam

amalan berfatwa supaya sesuai dengan urutan amal mengikut kehendak Syarak untuk meraikan maslahat umum dalam sesuatu tempoh berdasarkan situasi semasa.

PENGENALAN FIQH AULAWIYYAT

Fiqh al-Awlawiyyat tidak disebut dalam bentuk perkataan yang jelas dalam Quran dan Hadis, akan tetapi ia wujud melalui konsep dan praktikal amalan dalam kedua-dua sumber hukum Islam tersebut. Terdapat banyak dalil dan hadis yang menunjukkan kelebihan atau keutamaan sesuatu amalan atau hukum untuk dilaksanakan ke atas yang lain. Salah satu contoh konsep *awlawiyyat* yang dapat dilihat adalah melalui kelebihan melaksanakan solat di masjid Nabawi dan masjid al-Haram ke atas masjid-masjid yang lain sepertimana dinyatakan dalam hadis nabi SAW yang bermaksud:

“Solat di masjidku ini adalah lebih utama daripada solat seribu kali di masjid-masjid lainnya, kecuali Masjidil Haram” (Hadith. Al-Nawawiyy. *Kitab Al-Hajj: Bab Fadl al-Salah Bi Masjiday Makkah wa al-Madinah*. 1394).

Dasar pemikiran *Fiqh Awlawiyyat* ini telah diketengahkan pada masa kini oleh ulama kontemporari, Dr. Yusuf Al-Qaradawiyy dalam kitab penulisannya *“Fi Fiqh al-Awlawiyyat (Dirasah Jadidah fi Daw'i al-Qur'an wa Sunnah)”* yang sebelum ini diperkenalkan dengan istilah *Fiqh Maratib al-A'mal* iaitu fiqh turutan pekerjaan dalam bukunya yang bertajuk *“al-Sahwat al-Islamiyyah Bayna al-Juhud wa al-Tatarruf”* yang kini menjadi perbincangan dalam kalangan para pengkaji. Menurut Al-Qaradawiyy, *Fiqh Awlawiyyat* bermaksud:

“Meletakkan segala sesuatu pada peringkatnya dengan adil dari segi hukum, nilai dan pelaksanaannya, kemudian mendahulukan yang lebih utama berdasarkan pertimbangan Syarak yang tepat, yang diberi petunjuk oleh cahaya wahyu dan diterangi oleh akal” (Al-Qaradawiyy, 2000).

Fiqh Awlawiyyat mempunyai definisi yang berbagai-bagai. Antara definisi yang paling jelas dan sesuai mengikut konteks semasa dalam pengaplikasian konsep *Fiqh Awlawiyyat* ini adalah berdasarkan definisi yang diutarakan oleh Dr. Husayn Hamid Hasan. Beliau mentakrifkan *Fiqh Awlawiyyat* sebagai “suatu pertimbangan dan penjelasan (*tarjih*) antara *masalah-maslahah* yang bercanggah, dan mendahulukan *masalah* yang lebih utama untuk didahulukan bersesuaian dengan metode Syariah (penetapan hukum Syarak) yang khusus” (Al-'Ayidiyy, 2012).

Ulama kontemporari mengeluarkan hukum berkenaan *Fiqh Awlawiyyat* adalah berdasarkan kepada fuqaha-fuqaha silam. *Fiqh Awlawiyyat* atau dikenali sebagai fiqh keutamaan merupakan ijtihad hukum yang telah dikeluarkan oleh fuqaha terdahulu seperti imam al-Ghazaliyy dan Ibn Taymiyyah (Inani Ismail & Wan Norhaniza 2019).

Secara keseluruhan, *Fiqh Awlawiyyat* merupakan satu kaedah bagi menentukan keutamaan dalam membuat pilihan untuk melaksanakan sesuatu perkara bagi sesuatu isu bersesuaian dengan keperluan semasa dan kehendak Syarak. Ia juga merupakan suatu konsep fleksibel yang berasaskan kepada banyak faktor yang berubah-ubah, baik dari segi fakta mahupun penilaian. Suatu nilai atau keperluan yang dilihat sebagai lebih utama (*awa*) pada suatu masa, ketika dan suasana, mungkin dilihat sebaliknya pada masa, ketika dan suasana yang berbeza (Paizah Ismail, 1997).

Penentuan hukum berdasarkan prinsip *awlawiyyat* bersifat sementara, aplikasinya fleksibel dan berubah-ubah mengikut pada kesesuaian dan keperluan semasa. *Awlawiyyat* dikenali melalui dua cara iaitu:

- i. Melalui nas Quran dan Hadis yang menunjukkan kelebihan sesuatu amalan ke atas amalan yang lain.
- ii. Melalui jalan Ijtihad iaitu penentuan keutamaan oleh seseorang mujtahid dengan buah fikiran dan kesungguhannya selaras dengan metode-metode ijtihad berdasarkan pensyariatian hukum dalam sumber Syarak.

Kaedah penentuan hukum menggunakan konsep *Fiqh Awlawiyyat* ditetapkan melalui dua metode iaitu metode tekstual (*Tansis Awlawiyy*) dan juga metode ijtihad (*Ijtihad Awlawiyy*). (Al-'Ayidiyy, 2012).

METODE TEKSTUAL (TANSIS AWLAWIYY)

Peringkat kelebihan bagi sesuatu amalan dengan mendahulukannya ke atas amalan yang lain banyak diceritakan dalam sumber hukum Syarak. Sebagai contoh boleh dilihat berdasarkan Firman Allah SWT:

﴿وَأُولُوا الْأَرْحَامِ بَعْضُهُمْ أَوْلَىٰ بِبَعْضٍ فِي كِتَابِ اللَّهِ﴾

Maksudnya, "Orang-orang yang mempunyai hubungan kerabat itu sebagiannya lebih berhak terhadap sesamanya (daripada yang bukan kerabat) menurut Kitab Allah". (al-Quran. Al-Anfal: 75).

Ayat di atas menunjukkan keutamaan dalam pembahagian harta perwarisan kepada kerabat. Pensyariatan keutamaan perwarisan harta kepada kerabat di dalam ayat ini adalah selepas daripada hukum perwarisan melalui persaudaraan secara seagama dan penghijrahan dinasakhkan. Apa yang dimaksudkan dengan kerabat di dalam ayat di atas adalah mereka yang mempunyai hubungan darah dan lebih berhak mewarisi ke atas satu sama lain berbanding golongan Ansar dan Muhajirin yang sebelumnya mewarisi saudaranya yang beriman disebabkan persaudaraan melalui agama dan penghijrahan (Al-Sabuniyy, 2007).

Justeru, prinsip keutamaan dapat dinilai secara jelas melalui metode tekstual disebabkan perbandingan dan kelebihan yang diceritakan di dalam Quran dan hadis dengan mendahulukannya ke atas perkara yang lain.

METODE IJTIHAD (IJTIHAD AWLAWIYY)

Fiqh Awlawiyyat melalui metode ini ditentukan dengan membentuk satu ijtihad hukum dengan menyelaraskan *Maqasid Syariah* dalam konteks semasa berpandukan kepada *Fiqh Nusus* (pemahaman nas-nas Syarak dengan terperinci daripada Quran atau Sunnah), analisa *masalih* (kebaikan) dan *mafasid* (keburukan) melalui kaedah *Fiqh al-Muwazanat* (Fiqh pertimbangan) dan mengambil kira uruf berdasarkan *Fiqh al-Waqi'* (realiti hidup semasa masyarakat).

Penelitian Terhadap Fiqh Nusus

Membuat penelitian secara mendalam terhadap nas-nas Syarak (Quran dan hadis) dengan mengetahui hukum-hukum *nas juz'iy* yang mempunyai hubungan dengan *al-Maqasid al-Kulliyah* (objektif hukum secara umum) dan *Qawa'id al-'Ammah* (Kaedah-kaedah hukum yang umum) supaya hukum *furu'* dapat ditinjau melalui kaedah-kaedah umum dan hukum asal. Selain itu, pemahaman terhadap dalil-dalil *qat'iy* dan *zanniyy* antara Quran dan Sunnah juga amat penting terhadap penentuan dalil-dalil yang *muhkam* (jelas) dan *mutashabih* (tidak jelas).

Bagi dalil *qat'iy*, ijtihad tidak boleh digunapakai kerana tiada ruang ijtihad padanya manakala bagi dalil-dalil *zanniyy* boleh berijtihad padanya kerana ia membentuk ruang ijtihad disebabkan tidak memiliki hukum yang jelas yang membawa kepada pelbagai bentuk makna dan hukum. Bagi hadis pula, perlu dilihat oleh seseorang *mujtahid* kepada perawi hadis dari segi keadilan dan keaiban mereka dan memastikan hadis itu bebas daripada penyelewengan dan juga kecacatan. Selain itu, perlu juga dititikberatkan penelitian dan pengetahuan mengenai kedudukan hadis yang perlu diutamakan untuk beramal dengannya kerana lebih *rajih* (Al-'Ayidiyy, 2012).

Penyelarasan Hukum Berdasarkan Maqasid Syariah

Matlamat utama penetapan hukum Syarak di dalam Islam adalah untuk kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat. Setiap hukum Syarak memiliki maksud dan tujuan tertentu

yang hendak dicapai yang mendatangkan kebaikan dan menolak daripada keburukan. Maqasid Syariah merupakan parameter dalam menilai sesuatu hukum yang difatwakan. Usaha untuk memahami sesuatu hukum mestilah mencapai piawaian maqasid yang selari dengan objektif Syarak melalui sumber perundangan Quran dan Sunnah (Azman, 2016).

Justeru, penentuan *Fiqh Awlawiyyat* mestilah bersandarkan kepada pemahaman dan penyelarasan terhadap Maqasid Syariah yang bersesuaian dengan konteks semasa dengan mengambil kira perubahan nilai semasa, setempat, *uruf* (adat) dan *maslahah* manusia.

Analisa Masalih Dan Mafasid Melalui Fiqh Al-Muwazanat

Perbandingan dan pertimbangan perlu dibuat antara segala macam kemaslahatan atau segala bentuk mafasid dan menyeimbangkan antara berbagai macam masalih dan mafasid ketika berlakunya pertindihan bagi sesuatu isu dalam penentuan *Fiqh Awlawiyyat*. Al-Qaradawiyy menyatakan terdapat tiga asas penting yang perlu ditelusuri dalam membuat perbandingan sebelum menentukan sesuatu hukum melalui konsep *Fiqh Awlawiyyat* iaitu:

- i. Menyeimbangkan antara berbagai masalih dan *manafi'* atau membandingkan segala macam kebaikan dan kemaslahatan yang disyariatkan antara satu sama lain.
- ii. menyeimbangkan antara berbagai mafasid atau kemudharatan atau keburukan yang dilarang antara satu sama lain.
- iii. menyeimbangkan antara masalih dan mafasid atau kebaikan dan keburukan apabila berlaku pertindihan dan percanggahan antara satu sama lain.

Secara asasnya, bentuk-bentuk kemaslahatan yang diperakui oleh Syarak mempunyai tiga peringkat iaitu *Daruriyyat*, *Hajiyyat* dan *Tahsiniyyat*. Dalam mengaplikasikan *Fiqh Awlawiyyat*, ketiga-tiga bentuk maslahat ini hendaklah dibuat pertimbangan dengan mendahulukan *Daruriyyat* ke atas *Hajiyyat* dan mengutamakan *Hajiyyat* ke atas *Tahsiniyyat* (Al-Qaradawiyy, 2000).

a. Daruriyyat

Keperluan asas yang diperlukan dalam kehidupan manusia, tanpanya manusia tidak dapat meneruskan kehidupan. Ulama bersepakat bahawa *Daruriyyat* terbahagi kepada lima iaitu pada agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Jika berlakunya pertindihan antara kelima-lima *Daruriyyat* ini maka memelihara agama yang paling penting untuk diutamakan, seterusnya nyawa.

b. Hajiyyat

Segala sesuatu yang dapat diteruskan hidup tanpanya tetapi dengan kesukaran dan kepayahan.

c. Tahsiniyyat

Segala sesuatu kelengkapan yang menghiasi kehidupan manusia dan mencantikkannya dengan kewujudannya. *Tahsiniyyat* juga dinamakan sebagai *Kamaliyyat* (kesempurnaan).

Mengambil Kira Faktor Semasa Melalui Kaedah Fiqh Al-Waqi'

Penentuan hukum berdasarkan kaedah *Fiqh Awlawiyyat* hendaklah dibuat penelitian dan penyelidikan yang ilmiah tentang realiti hidup semasa, uruf (adat), perbezaan masa, tempat, suasana dan zaman. Faktor-faktor semasa dan setempat juga boleh dilihat melalui aspek perkembangan ekonomi, kemajuan teknologi, cuaca dan iklim.

Fiqh Awlawiyyat tidak boleh ditentukan semata-mata berdasarkan kepada satu dimensi sahaja tanpa mengambil pendekatan dan penilaian terhadap cabang-cabang fiqh di atas sebagai asas dalam penentuan hukum. Pembentukan *Fiqh Awlawiyyat* adalah melalui proses *istinbat hukum* yang dilakukan melalui penelitian terhadap kaedah-kaedah *usul fiqh* dan *qawa'id fiqhiah* yang akhirnya membentuk ijtihad hukum. Kaedah istinbat ini merupakan kesungguhan berfikir yang dilakukan oleh para ulama yang membentuk kepada

satu ijtihad hukum berdasarkan nas-nas yang relevan bagi penentuan *Fiqh Awlawiyyat* (Inani Ismail & Wan Norhaniza 2019).

METODOLOGI KAJIAN

Bagi menyempurnakan kajian ini, kaedah yang digunakan adalah dalam bentuk kualitatif iaitu melalui kajian kepustakaan dan analisa dokumen. Penyelidikan ini menfokuskan kepada kajian kepustakaan bersesuaian dengan keadaan semasa Covid-19 untuk mengelakkan daripada pertembungan fizikal dan mengurangkan risiko jangkitan. Antara pendekatan utama yang diambil dalam melengkapkan kajian ini adalah dengan merujuk pandangan ulama melalui kitab-kitab klasik dan kontemporari serta fatwa-fatwa semasa yang dikeluarkan oleh Badan Fatwa Berautoriti melalui capaian Internet.

Selain itu, artikel dan karya ilmiah yang dibukukan oleh para mufti berkaitan isu Covid-19 juga dirujuk untuk mendapatkan maklumat tambahan. Pengumpulan data mengenai situasi dan isu semasa Covid-19 telah dibuat melalui portal dan laman sesawang berautoriti. Implikasinya, maklumat yang diperolehi adalah terhad disebabkan oleh sumber yang terhad. Segala maklumat yang diperolehi akan dianalisa melalui mekanisme pendaliran para ulama usul dengan mengambil kira *Fiqh Awlawiyyat* dalam sesuatu isu yang dibincangkan.

DAPATAN KAJIAN

Melalui kajian ini, dapat disimpulkan bahawa penetapan hukum di dalam fatwa oleh Badan-Badan Fatwa Berauroti seperti yang diperincikan dalam perbincangan kajian adalah berdasarkan kepada *Fiqh Awlawiyyat*. Fatwa-Fatwa yang dikeluarkan bersandarkan kepada penelitian terhadap nas-nas Syarak, penyelarasan hukum berdasarkan piawaian *Maqasid Syariah*, pertimbangan antara *masalih* dan *mafasid* dengan mengambil kira keutamaan yang perlu didahulukan dalam pelaksanaan hukum berdasarkan realiti semasa iaitu pandemik Covid-19. Kajian mendapati konsep *Fiqh Awlawiyyat* yang diterapkan dalam penentuan hukum bagi melaksanakan keutamaan adalah melalui pendekatan metode *ijtihad awlawiyy*.

Penangguhan Solat Jumaat Dan Solat Berjemaah

Para ulama dan mufti melalui Majlis dan badan fatwa berautoriti di kebanyakan Negara telah membuat perbincangan dan mengeluarkan fatwa mengenai penangguhan solat Jumaat dan solat secara berjemaah di masjid, surau mahupun ditempat awam yang telah disepakati oleh majoriti Negara yang mengalami peningkatan kadar jangkitan virus korona. Keputusan ini dibuat berdasarkan hasil kajian yang dibuat oleh pakar perubatan dan faktor semasa setelah wabak ini dideklarasikan sebagai pandemik.

Penyebaran virus ini menjangkau paras global dan menimbulkan kerisauan dalam kalangan penduduk dunia. Oleh itu, keputusan untuk menangguhkan pelaksanaan solat jumaat dan solat secara berjemaah ini adalah untuk menjaga kemaslahatan masyarakat Islam di seluruh dunia berlandaskan Maqasid Syariah iaitu menjaga nyawa (*hifz al-nafs*) dan menjaga Agama (*hifz al-din*). Berikut merupakan keputusan fatwa yang telah dikeluarkan mengikut Majlis dan Jawatankuasa Fatwa terpilih:

1. Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI)

Jawatankuasa Muzakarah MKI telah memutuskan bahawa semua aktiviti masjid dan surau termasuk solat berjemaah dan solat Jumaat ditangguhkan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Khas Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang telah diadakan pada 15 Mac 2020, di Pulse Grande Hotel, Putrajaya. Solat secara berjemaah ini tidak dibenarkan untuk diadakan di masjid, surau atau di tempat awam bagi mengekang penularan wabak COVID-19 sebaliknya diarahkan untuk solat di tempat tinggal masing-masing (Zulkifli al-Bakri, 2020).

2. Majlis Ulama Indonesia (MUI)

Pada 16 Mac 2020, Majlis Ulama Indonesia telah mengeluarkan fatwa tentang penyelenggaraan Ibadah dalam situasi terjadinya wabak Covid-19. Antara kandungan dalam petikan Fatwa Nombor 14 tahun 2020 adalah seperti berikut:

- i. Dalam situasi penyebaran COVID-19 tidak terkawal di suatu kawasan yang mengancam nyawa, umat Islam tidak boleh menyelenggarakan solat jumat di kawasan tersebut, sehingga keadaan kembali normal dan wajib menggantikannya dengan solat zuhur di tempat masing-masing. Demikian juga tidak boleh menyelenggarakan aktiviti ibadah yang melibatkan orang ramai dan diyakini dapat menjadi media penyebaran COVID-19, seperti jemaah solat lima waktu/rawatib, solat Tarawih dan Idul Fitri di masjid atau tempat umum lainnya, serta menghadiri pengajian umum dan majlis ta'lim.
- ii. Dalam kondisi penyebaran COVID-19 terkendali, umat Islam wajib menyelenggarakan solat Jumaat dan boleh menyelenggarakan aktiviti ibadah yang melibatkan orang ramai, seperti jemaah solat lima waktu/rawatib, solat Tarawih dan solat sunat hari raya di masjid atau tempat umum lainnya, serta menghadiri pengajian umum dan majlis ta'lim dengan tetap menjaga diri agar tidak terpapar COVID-19.

3. Dar Al-Ifta' Al-Misriyyah

Syariat Islam mengharuskan untuk menggugurkan solat Jumaat dan jemaah dalam keadaan wabak sebagai langkah untuk menjaga keselamatan dan pencegahan penyakit. Setiap warganegara mesti mematuhi setiap keputusan sebagai langkah berjaga-jaga dan pencegahan yang diambil oleh negara untuk membatasi penyebaran virus ini, daripadanya dilarang perhimpunan secara fizikal di sekolah, masjid dan selainnya daripada tempat-tempat pengumpulan dan perhimpunan, kerana kepantasan penyebaran virus ini adalah melalui jangkitan dan percampuran, dan seseorang mungkin dijangkiti atau membawa virus itu tanpa menyedarinya (Portal Dar Ifta' al-Misriyyah al-Fatawa, 2020).

Pelaksanaan Solat Dengan Memakai Pelitup Muka (Face Mask) Dan Penjarakan Fizikal Sebanyak Satu Meter

Sebagai langkah pencegahan dan pengawalan penyebaran wabak Covid-19, pakar perubatan telah mengeluarkan kenyataan tentang cara-cara untuk mengendali jangkitan wabak antaranya dengan memakai pelitup muka (face mask), mengamalkan penjarakan fizikal sebanyak satu meter, dan lain-lain seperti yang telah dinyatakan di dalam perbahasan kajian. Setiap operasi kerja atau pelaksanaan aktiviti yang memerlukan pertembungan secara fizikal perlu mematuhi prosedur operasi standard yang telah ditetapkan oleh kementerian kesihatan termasuk segala aktiviti yang dijalankan di masjid tidak terkecuali di dalam pelaksanaan solat Jumaat dan berjemaah. Berikut merupakan penjelasan hukum dan fatwa yang dikeluarkan oleh majlis dan badan fatwa berautoriti yang terpilih:

1. Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam (MKI)

Hukum solat dengan memakai pelitup muka adalah diharuskan disebabkan hajat dan keperluan, dalam suasana menularnya wabak COVID-19 iaitu bagi mengekang penyebaran wabak daripada menular. Hal ini kerana dengan memakai pelitup muka, ia dapat menghalang air liur, kahak dan hingus si pemakai dari tersebar ke udara ketika batuk atau bersin, lalu mengelakkan daripada terjangkit kepada orang lain (Zulkifli al-Bakri, 2020).

Bagi pelaksanaan solat dengan penjarakan fizikal sebanyak satu meter, adalah diharuskan solat berjemaah secara berjarak-jarak bagi makmum dengan makmum yang bersebelahan pada waktu wabak sekiranya solat berjemaah itu

masih lagi selamat daripada penularan wabak (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020)

Garis panduan dalam pelaksanaan ibadah semasa Covid-19 telah disediakan oleh Unit Penyelidikan Ilmiah JPM (Hal Ehwal Agama) dan Bahagian Penyelidikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) keempat pada 30 April 2020 yang dipengerusikan oleh Datuk Wan Zahidi Wan Teh serta dihadiri oleh para Ashabus Samahah Mufti-Mufti seluruh Malaysia dan ahli-ahli yang dilantik MKI (Harian Metro, 2020).

Cadangan ini tertakluk kepada kebenaran pihak kerajaan selaku Ulil Amri supaya ia tidak menjadi sebab bagi penularan penyakit dan mendatangkan mudarat kepada pihak yang tidak bersalah. Justeru, jika solat berjemaah itu boleh membawa kepada penularan wabak maka solat berjemaah itu sendiri tidak boleh dilaksanakan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020).

2. Majlis Ulama Indonesia (MUI)

Majlis Ulama Indonesia telah mengeluarkan fatwa Nombor 31 Tahun 2020 tentang Penyelenggaraan solat Jumaat dan berjemaah untuk mencegah penularan wabak Covid-19. Antara petikan teks fatwa yang dikeluarkan adalah seperti berikut:

“Penggunaan pelitup muka yang menutup hidung ketika solat hukumnya dibolehkan dan solatnya sah kerana hidung tidak termasuk anggota badan yang harus menempel pada tempat sujud semasa menunaikan solat. Menutup mulut ketika solat hukumnya adalah makruh, kecuali terdapat hajat syar’iyyah. Oleh itu, solat dengan pemakaian pelitup muka disebabkan hajat untuk mencegah penularan wabak COVID-19 hukumnya sah dan tidak makruh. Ketika pelaksanaan solat secara berjemaah, meluruskan dan merapatkan saf (barisan) ketika solat berjemaah merupakan keutamaan dan kesempurnaan dalam berjemaah. Solat berjemaah dengan saf yang tidak lurus dan tidak rapat hukumnya tetap sah tetapi hilang keutamaan dan kesempurnaan jemaah. Untuk mencegah penularan wabak COVID-19, penerapan “*physical distancing*” ketika solat berjemaah dengan cara merenggangkan saf hukumnya boleh, solatnya sah dan tidak hilang keutamaan berjemaah kerana situasi tersebut diklasifikasikan sebagai hajat syar’iyyah” (Portal Majelis Ulama Indonesia Provinsi Sumatera Utara, 2020).

3. Dar Al-Ifta’ Al-Misriyyah

Memakai pelitup muka ketika menunaikan solat adalah harus sebagai langkah pencegahan merebaknya jangkitan virus korona. Tiada larangan untuk memakai pelitup muka ketika solat kerana terdapat keuzuran untuk mencegah jangkitan wabak dan perbuatan itu tidak termasuk dalam penutupan mulut dan hidung yang ditegah bahkan ia adalah suatu keuzuran yang diharuskan dan keadaan yang terkecuali daripada makruh sama seperti menutup mulut apabila menguap ketika pelaksanaan solat. Larangan asal bagi penutupan muka dan hidung di dalam solat adalah bagi ketiadaan darurat dan keuzuran. Fuqaha mengharuskan untuk menutup mulut dan hidung selain pada situasi lain ketika solat seperti panas, sejuk dan apa jua situasi selain keduanya daripada keuzuran yang mendatang (‘Allam, 2020).

Bagi pelaksanaan solat berjemaah dalam tempoh Covid-19, tidak ada larangan untuk merenggangkan antara jemaah ketika pelaksanaan solat berjemaah dengan kadar yang disebutkan oleh kebanyakan pihak sebagai pengambilan langkah berjaga-jaga dan pencegahan daripada berlakunya jangkitan. Walau bagaimanapun, solat berjemaah dengan cara tersebut adalah sah, dan ini tidak menyimpang dari apa yang dimaksudkan dengan menyamakan saf pada asalnya kerana mereka tidak memajukan dan mendahulukan antara satu sama lain di dalam satu baris.

Adapun jika penyamaan dari sudut makna adalah dengan merapatkan ketidakseimbangan atau kelompokan. Para fuqaha menyatakan bahawa jurang kecil

antara jamaah dibenarkan, dan itu tidak menghalangi penyatuan baris secara urufnya dan tidak bertentangan dengan contoh yang perlu diikuti melalui amalan nabi (*iqtida'*), dan tidak pula memutuskan jamaah. Jika dikatakan bahawa ini bertentangan dengan penyamaan saf maka itu adalah makruh di sisi Jumhur. Perkara yang makruh akan hilang dengan keperluan yang sedikit manakala wabak ini adalah melebihi daripada yang sedikit.

Perbuatan merenggangkan saf ini tidak menghalang dalam mencapai *iqtida'* kerana setiap tempat di masjid adalah tempat berjamaah, dan setiap orang yang mengelilingi masjid di antara para jamaah berada dalam jamaah walaupun baris tidak dihubungkan. Penentuan jarak antara jamaah itu disebabkan oleh kebiasaan dan apa yang dilakukan oleh kebiasaan ('Allam, 2020).

ANALISIS PEMAKAIAN FIQH AULAWIYYAT DALAM FATWA BERKAITAN COVID-19

Dalam penentuan hukum berkaitan ibadah bagi menangani isu Covid-19, telah berlaku kekeliruan dalam kalangan masyarakat dalam menentukan keutamaan bagi melaksanakan hukum Syarak dan keputusan yang dikeluarkan oleh pemerintah negara. Fatwa telah dikeluarkan sebagai rujukan dan penjelasan kepada masyarakat Islam mengenai pelaksanaan ibadah fasa Covid-19 berselarasan dengan perintah yang dikeluarkan oleh pemerintah.

Justeru, dalam perbincangan ini akan diperincikan skop keutamaan dalam pelaksanaan hukum semasa tempoh Covid-19 melalui analisa *Fiqh Aulawiyat* dalam fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis dan Badan Fatwa berautoriti Jawatankuasa Muzakarah MKI, MUI dan Dar Ifta' al-Misriyyah seperti yang dinyatakan dalam perbincangan kajian.

Penentuan keutamaan melalui *Fiqh Aulawiyat* dibuat melalui dua cara iaitu metode tekstual (*al-tansis al-awlawiyy*) dan metode ijtihad (*al-ijtihad al-awlawiyy*). Metode yang digunakan dalam mengenalpasti pengutamaan pelaksanaan hukum berkaitan isu ibadah dalam proses fatwa adalah berdasarkan kepada metode ijtihad (*al-ijtihad al-awlawiyy*) kerana isu Covid-19 merupakan isu baharu yang perlu ditentukan melalui proses Ijtihad.

Terdapat beberapa dalil Quran dan Hadis yang telah digunakan dalam proses fatwa melalui kaedah *Fiqh Nusus*. Kesemua dalil yang digunakan daripada kedua sumber Syarak tersebut memberi saranan untuk menjauhi kemudharatan dan keutamaan untuk mentaati perintah yang dikeluarkan oleh pemerintah untuk kemaslahatan rakyat apabila terdapatnya kezuratan atau kemudharatan yang menimpa selagimana tidak menyalahi tuntutan Syarak. Ini adalah berdasarkan kaedah fiqh (al-Suyuti, 1990):

تصرف الإمام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya, "Polisi pemerintah ke atas rakyat, berdasarkan kepada kemaslahatan".

Para *Ulama* menetapkan bahawa segala tindakan yang ditetapkan pihak pemerintah wajib didasari dengan maslahat dan kebaikan untuk Masyarakat umum seluruhnya iaitu rakyat yang berada di bawah tadbir urusnya. Sekiranya tindakan tersebut bertentangan dengan tujuan dan objektif yang asal, maka tindakan tersebut dianggap tidak sah dan tidak terpakai dari sudut Syarak (Zulkifli al-Bakri, 2020)

Fatwa 1: Penangguhan Solat Jumaat Dan Berjamaah

Dalil yang digunakan dalam fatwa:

1. Al-Quran

﴿وَلَا تُنْفُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ﴾

Maksudnya, "Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan". (al-Quran. Al-Baqarah: 195).

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ
إِن كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا﴾

Maksudnya, "Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah (Quran) dan (Sunah) RasulNya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya" (al-Quran. al-Nisa': 59).

Syeikh al-Maraghiyy (1946) dalam memberi penerangan dalil tersebut menyatakan dalam "Tafsir al-Maraghiyy" bahawa *uli al-amri* (pemerintah) berkuasa di atas urusan kemaslahatan yang tiada ketentuan hukum padanya dalam nas Syarak dan mentaati perintah yang dikeluarkan oleh *uli al-amri* berdasarkan masalah tersebut adalah wajib.

2. Hadis

{ إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونَ بَارِضٌ فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ بَارِضٌ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا }

Maksudnya, "Apabila kamu mendengar tentang wabak taun di sesuatu tempat, maka janganlah kamu pergi ke situ. Dan apabila ia berlaku di tempat kamu, maka janganlah kamu keluar lari daripadanya" (Hadis. Muslim. Kitab Al-Ta'un. 2219).

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Nabi SAW bersabda:

{ وَفَرٌّ مِنَ الْمَجْدُومِ كَمَا تَفَرُّ مِنَ الْأَسَدِ }

Maksudnya, "Larilah daripada penyakit berjangkit seperti mana kamu lari daripada singa" (Hadis. al-Bukhariyy. Kitab al-Tibb: Bab al-Juzam. 5707).

Dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW bersabda:

{ لَا يُورَدَنَّ مُرِيضٌ عَلَى مُصِحِّ }

Maksudnya, "Yang sakit janganlah mendatangi yang sihat" (Hadis. al-Bukhariyy. Kitab al-Tibb: Bab La Safar Wa Huwa Da'un Ya'khudhu al-Batna. 5717).

Merujuk kepada petikan kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Hay'ah Kibar Ulama' al-Azhar al-Sharif, adalah diharuskan di sisi Syarak bagi negara (*dawlah*) untuk mengambil langkah pencegahan bagi penyebaran virus korona dengan menghentikan pelaksanaan bagi solat Jumaat dan berjemaah untuk satu tempoh sementara (Bala'u, 2020) kerana ia merupakan maslahat bagi masyarakat Islam. Ini adalah bertepatan dengan kaedah fiqh (al-Suyutiyy, 1990):

دَرْءُ الْمَقَاسِدِ أَوْلَى مِنْ جَلْبِ الْمَصَالِحِ

Maksudnya, "Menolak mafsadah (keburukan) adalah lebih utama berbanding mendatangkan kebaikan."

Justeru, diwajibkan bagi Masyarakat Islam untuk mentaati fatwa yang dikeluarkan berlandaskan kepada keputusan pemerintah untuk mengelakkan kemudharatan yang besar. Berdasarkan perspektif Syarak, tahap kepentingan maslahat yang perlu dijaga dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu *Daruriyyat*, *Hajiyyat* dan *Tahsiniyyat* seperti yang telah diperincikan dalam perbincangan kajian. Maslahat *Daruriyyat* perlu diutamakan ke atas maslahat *Hajiyyat* dan seterusnya maslahat *Hajiyyat* didahulukan ke atas maslahat *Tahsiniyyat*. Dalam menghadapi fasa Covid-19, maslahat yang menjadi keutamaan adalah maslahat *Daruriyyat*.

Daruriyyat merupakan sesuatu maslahat yang diperlukan dan dihajati sehingga ke tahap darurat iaitu satu keadaan yang sangat memerlukan dan mendesak sehingga berada dalam keadaan yang berbahaya dan mengancam nyawa seseorang apabila luputnya keperluan tersebut. *Daruriyyat* terdiri daripada perkara-perkara utama dalam agama yang dikenali sebagai *Daruriyyat* al-Khams iaitu memelihara agama (*hifz al-din*), nyawa (*al-nafs*), akal (*al-aql*), keturunan (*al-nasl*) dan harta (*al-mal*) (Azman, 2016).

Sehubungan dengan itu, penentuan hukum bagi penangguhan solat jumaat dan berjemaah adalah berselarasan dengan Maqasid Syariah iaitu untuk menjaga agama (*hifz al-din*) dan menjaga nyawa (*hifz al-nafs*). Walaupun penjagaan agama sepatutnya didahulukan ke atas penjagaan nyawa dari sudut pengutamaannya (Al-Qaradawiyy, 2000) namun jika dipertimbangkan dari sudut *masalih* dan *mafasid* pelaksanaan solat jumaat dan solat berjemaah akan membawa kemudharatan yang lebih besar dan merisikokan nyawa manusia yang hadir untuk melaksanakan tuntutan Syarak tersebut sekaligus mempercepatkan penyebaran virus kepada Masyarakat umum. Rentetan itu, boleh mendatangkan fitnah kepada agama. Walau bagaimanapun, penentuan hukum ini adalah bersifat sementara bagi tujuan pengawalan penyebaran dan kadar jangkitan virus dengan kaedah *Fiqh al-Waqi'* iaitu mempertimbangkan situasi semasa bagi kes Covid-19.

Dalam pada itu, solat jumaat dan berjemaah dibenarkan untuk dilaksanakan dengan syarat-syarat tertentu berdasarkan kepada SOP yang dikeluarkan oleh kementerian kesihatan apabila jangkitan wabak berkurangan dan keadaan kembali terkawal. Antara prosedur yang perlu dipatuhi adalah pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal sebanyak satu meter dalam saf ketika solat jumaat atau berjemaah dilaksanakan di masjid, surau mahupun tempat awam. Sepertimana yang dinyatakan di dalam perbincangan hukum berdasarkan fatwa yang dikeluarkan oleh badan fatwa berautoriti, adalah diharuskan untuk memakai pelitup muka dan merenggangkan saf solat sebagai langkah pencegahan jangkitan virus.

Fatwa 2: Keharusan Memakai Pelitup Muka

Dalil yang digunakan dalam proses fatwa:

1. Hadis

{ إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنِ السَّدْلِ فِي الصَّلَاةِ وَأَنْ يُعْطِيَ الرَّجُلُ فَاهُ }

Maksudnya, “*Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang meleretkan pakaian dalam solat serta (melarang) seseorang lelaki itu menutup mulutnya (dalam solat)*” (Hadis. Abu Dawud. *Kitab al-Salah: Bab Ma Ja'a Fi al-Sadl Fi al-Salah*. 643). Hadis ini juga telah diriwayatkan oleh Imam Ahmad, al-Tirmidhiyy dan Ibn Majah.

Hadis di atas menunjukkan tegahan kepada perbuatan menutup mulut ketika solat. Namun begitu, hukum menutup mulut dalam solat tanpa sebarang sebab adalah makruh kerana larangan dalam hadis tersebut tidak menetapkan sebarang hukuman sama ada duniawi atau ukhrawi sehingga menjadikan perbuatan tersebut haram. Walau bagaimanapun, perbuatan tersebut tidaklah memberi kesan kepada kesahihan solat kerana larangan ke atas perbuatan menutup mulut dalam solat datang dari *jihah munfakkah* (sudut yang berasingan) daripada solat iaitu tidak memberi kesan kepada rukun mahupun syarat sah solat (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020).

Di samping itu, diharuskan untuk memakai pelitup muka ketika menunaikan solat sebagai langkah pencegahan merebaknya jangkitan virus korona melalui cairan yang keluar daripada batuk dan bersin yang terlepas ke udara. Ini kerana terdapat keuzuran untuk mencegah jangkitan wabak dan perbuatan itu tidak termasuk dalam penutupan mulut dan hidung yang ditegah. Ia juga merupakan suatu keuzuran yang diharuskan dan terkecuali daripada keadaan yang makruh. Larangan asal bagi penutupan mulut di dalam solat adalah bagi ketiadaan darurat dan keuzuran (Allam, 2020).

Antara alasan bagi larangan menutup mulut adalah kerana perbuatan itu akan mengganggu kelancaran bacaan dan menghalangi tersentuhnya hidung pada tempat sujud secara langsung sehingga mengurangi kesempurnaan sujud. Akan tetapi, larangan itu terlaksana dalam situasi normal dan tidak ada keperluan atau sebab yang mengharuskan kita menutupi mulut. Adapun jika berlaku situasi atau sebab yang mengharuskan kita untuk menutup mulut, maka hal itu diperbolehkan seperti wabak Covid-19. Penetapan hukum ini boleh didasari dengan dua kaedah *Usul Fiqh* yang membolehkan kita memakai pelitup muka ketika solat iaitu (al-Suyuti, 1990):

الْحُكْمُ يَدُورُ مَعَ الْعِلَّةِ وَجُودًا وَعَدَمًا

Maksudnya, "Suatu hukum itu tergantung pada 'illat (sebab/alasannya) pada kewujudannya dan ketiadaannya".

دَرْءُ الْمَفَاسِدِ مُقَدَّمٌ عَلَى جَلْبِ الْمَصَالِحِ

Maksudnya, "Mencegah kerosakan (keburukan) itu lebih didahulukan daripada mengambil maslahat (manfaat)"

Dalam hal ini, pemakaian pelitup muka adalah sebagai langkah untuk mencegah bahaya wabak Covid-19 yang boleh menjadi penyebab kematian akibat transmisi virus ke dalam tubuh kita melalui mulut dan saluran pernafasan berbanding mengambil maslahat mendapatkan pahala dengan melaksanakan perintah hadis. Ini adalah berlandaskan kepada tuntutan *Maqasid Syariah* untuk menjaga nyawa (*hifz al-nafs*) dan agama (*hifz al-din*).

Sekiranya berlaku ancaman ke atas nyawa dan kesihatan tubuh badan, bagaimana pula perihal ibadah dapat disempurnakan? Maka apabila berlakunya pertembungan antara *masalih* dan *mafasid* perlu dibuat pertimbangan yang manakah lebih *awla* untuk dilaksanakan iaitu dengan menghindari sesuatu perbuatan yang membawa *mafsadah* yang lebih besar dan meraikan kemaslahatan dengan pemakaian pelitup muka dalam situasi wabak Covid-19.

Keharusan Untuk Merenggangkan Saf Ketika Solat

Dalil yang digunakan dalam proses fatwa:

1. Hadis

{ سَوُّوا صُفُوفَكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصُّفُوفِ مِنْ إِقَامَةِ الصَّلَاةِ }

Maksudnya, "Luruskan saf-saf kalian, kerana meluruskan saf termasuk dalam sebahagian menegakkan solat (berjemaah)" (Hadis. al-Bukhariyy. *Bab Iqamat al-Saf Min Tamam as-Salah*. 690).

Daripada Anas bin Malik, Nabi SAW bersabda:

{ سَوُّوا صُفُوفَكُمْ فَإِنَّ تَسْوِيَةَ الصَّفِّ مِنْ تَمَامِ الصَّلَاةِ }

Maksudnya, "Luruskanlah saf-saf kamu kerana meluruskan saf itu termasuk di dalam kesempurnaan solat" (Hadis. Muslim. *Kitab al-Salah: Bab Taswiyyat al-Sufuf wa Iqamatuha*. 433)

Hadis-hadis di atas memberi saranan untuk merapatkan saf ketika pelaksanaan solat. Hukum asal bagi merenggangkan saf adalah dimakruhkan dan meluputkan pahala solat berjemaah Namun begitu sekiranya merenggangkan saf dilakukan kerana keperluan, maka hal itu tidaklah makruh atau diharamkan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020) Keharusan pelaksanaan solat berjemaah dengan mengamalkan penjarakan fizikal ini adalah bersandarkan beberapa kaedah fiqh (al-Suyutiyy, 1990):

الضَّرُورَاتُ تُبِيحُ الْمَحْظُورَاتِ

Maksudnya, "Perkara-perkara darurat itu mengharuskan perkara-perkara yang dilarang".

الكَرَاهَةُ تَزُولُ بِالْحَاجَةِ

Maksudnya, "Hukum makruh itu hilang apabila wujud keperluan".

Merapatkan solat adalah sunat dan merupakan sunat *hay'ah* dan bukanlah rukun dalam solat atau sunat *ab'ad*. Pelaksanaan solat berjemaah secara berjarak-jarak bagi makmum dengan makmum yang bersebelahan pada waktu wabak adalah diharuskan sekiranya solat berjemaah itu masih lagi selamat daripada penularan wabak. Oleh itu, kebolehpakaian cadangan ini tertakluk kepada kebenaran pihak kerajaan selaku *uli al-amri* supaya ia tidak menjadi sebab bagi penularan penyakit dan mendatangkan mudarat kepada pihak yang tidak bersalah. Justeru, jika solat berjemaah itu boleh membawa kepada penularan wabak maka solat berjemaah itu sendiri tidak boleh dilaksanakan (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2020).

Bersandarkan kepada dalil, perbahasan dan hujah yang dijelaskan dalam fatwa, adalah diharuskan untuk merenggangkan saf ketika solat disebabkan *darurah* dan menepati SOP yang dikeluarkan sebagai panduan dan langkah untuk mengawal jangkitan wabak. Salah satu cara mempercepatkan penularan wabak adalah dengan pengumpulan atau perhimpunan di satu kawasan yang melibatkan orang ramai (*mass gathering*).

Justeru, bagi memenuhi kehendak Syarak melalui Maqasid Syariah untuk menjaga nyawa (*hifz al-nafs*) adalah dituntut untuk menjauhi perkara-perkara yang boleh membawa kemudharatan seperti merenggangkan saf ketika pelaksanaan solat sebagai usaha untuk memutuskan rantai Covid-19. Meraikan kemaslahatan dengan merapatkan saf sepertimana yang dianjurkan di dalam hadis untuk mendapatkan kesempurnaan dan pahala berjemaah adalah kecil berbanding kemudharatan yang timbul iaitu merebaknya wabak kepada Jemaah yang hadir seterusnya mendedahkan jangkitan virus kepada Masyarakat awam melalui sentuhan mahupun pertembungan fizikal yang boleh membawa ancaman ke atas nyawa. Oleh itu, dalam situasi Covid-19 ini adalah lebih utama meninggalkan maslahat yang kecil demi mencegah kemudharatan yang lebih besar.

PENUTUP

Konsep *Fiqh Awlawiyyat* ini digunakan apabila terdapat lebih daripada satu kewajaran yang layak menjadi hukum yang dipilih atau difatwakan dalam sesuatu isu melalui konteks ijtihad dan fatwa. Dalam penentuan hukum, *Fiqh Awlawiyyat* bukanlah satu kaedah atau metode bagi menentukan ijtihad dan fatwa akan tetapi ia merupakan satu pendekatan kearah menghasilkan keputusan yang lebih utama untuk dilaksanakan dalam tempoh atau situasi tertentu.

Dalam meniti arena kehidupan menghadapi fasa Covid-19, pelaksanaan ibadah mengikut hukum asal sepertimana yang disyariatkan dalam Quran dan hadis adalah tidak sesuai untuk diaplikasikan dalam tempoh pandemik kerana boleh membawa kepada kemudharatan yang besar. Oleh itu terdapat kewajaran lain yang boleh dipertimbangkan bersandarkan kepada penelitian keputusan yang dikeluarkan oleh pemerintah Negara dan pandangan pakar perubatan dengan berlandaskan kepada metode-metode *Fiqh Awlawiyyat* bagi menentukan keutamaan dalam pelaksanaan hukum berkaitan ibadah.

Pelaksanaan hukum atau fatwa yang dikeluarkan berasaskan *Fiqh Awlawiyyat* bersifat tidak kekal dan berubah-ubah mengikut keperluan dan faktor semasa sepertimana dilihat pada fasa pertama penularan Covid-19 setelah diisytiharkan pandemik telah diputuskan untuk penangguhan solat jumaat dan solat secara berjemaah akan tetapi apabila situasi menunjukkan penurunan kadar jangkitan wabak, dibolehkan untuk solat jumaat dan berjemaah di masjid dengan pematuhan kepada SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan iaitu dengan pemakaian pelitup muka ketika solat dan

mengamalkan penjarakkan 1 meter antara satu Jemaah dengan Jemaah yang lain. Walau bagaimanapun, pemakaian fatwa-fatwa ini bersifat sementara yang hanya digunakan semasa tempoh Covid-19 sahaja dan tidak digunapakai jika keadaan sudah kembali normal.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian hasil penyelidikan bertajuk 'Pembinaan Kerangka FiqhAulawiyat Dalam Menghadapi Pandemik Covid-19 di Malaysia' (PPPI/COVID19_0120/FSU/051000/15720) yang ditaja oleh Universiti Sains Islam Malaysia.

RUJUKAN

- 'Abdullah. 2008. *al-Fatwa Fi al-Islam: Ahammiyyatuha - Dawabituha - Atharuha*. Al-Riyad: Mamlakat al-'Arabiyyah al-Sa'udiyyah.
- Abu Dawud, Sulayman. 2007. *Sunan Abi Dawud*. Al-Qahirah: Dar Ibn Haytham.
- Ayman Jabarayn. 2011. *Maqasid al-Shari'ah: Fi Takhsis al-Nass Bi al-Maslahah Wa Tatbiqihah Fi al-Fiqh al-Islamiyy*. 'Amman: Dar al-Nafa'is.
- Al-Ashqar, Muhammad Sulayman 'Abdullah. 1976. *al-Futya wa Manahij al-Ifta'*. Kuwait: Maktabat al-Manar al-Islamiyyah.
- Al-'Ayidiyy, 'Aliyy bin Husayn. 2012. *Fiqh al-Awlawiyat: Fi al-Mu'amalat al-Maliyyat al-Mu'asirah*. Al-Riyad: Dar Kunuz Ishbiliya.
- Azman Ab Rahman, Arief Salleh Rosman, Ahmad Wifaq Mokhtar, Mohd Nasir Abdul Majid, Ahmad Najaa' Mokhtar & Muhamad Firdaus. 2016. *Kedudukan Asnaf Ar-Riqab Sebagai Penerima Zakat di Malaysia*. Bandar Baru Nilai: USIM.
- Ibn Faris, Ahmad. 1979. *Mu'jam Maqayis al-Lughah*. 'Abd al-Salam Harun. Jil. 4. T.tp: Dar al-Fikr.
- Ibn Hamdan, Imam Ahmad. 1960. *Sifat al-Fatwa Wa al-Muftiyy Wa al-Mustaftiyy*. Damshiq: Manshurat al-Maktab al-Islamiyy.
- Ibn Manzur, Muhammad Ibn Mukarram. 1984-1986. *Lisan al-'Arab*. Amin Muhammad 'Abd al-Wahhab & Muhammad al-Sadiq al-'Ubaydiyy (ed.). Jil. 10. Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabiyy.
- Ibn Salah, Taqiyy al-Din Abu 'Amru 'Uthman. 1986. *Adab al-Muftiyy wa al-Mustaftiyy*. T.tp: Maktabat al-'Ulum wa Al-Hukm.
- Al-Mallah, Husayn Muhammad. 2011. *al-Fatwa: Nash'atuha Wa Tatawwuraha Usuluha Wa Tatbiqatuha*. Bayrut: Sharikah Abna' Sharif al-Ansariyy.
- Al-Maraghiyy, Ahmad Mustafa. 1946. *Tafsir al-Maraghiyy*. Al-Qahirah: Mustafa al-Bab al-Halabiyy.
- Al-Qaradawiyy, Yusuf. 2000. *Fi Fiqh al-Awlawiyat: Dirasah Jadidah Fi Daw' al-Qur'an Wa al-Sunnah*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Al-Qastalaniyy. 2012. *Irshad al-Sari Li al-Sharh Sahih al-Bukhariyy*. 'Abd al-'Aziz Al-Khalidiyy (ed.). Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Raihanah Abdullah & Hidayat Buang. 2004. *Fatwa Di Malaysia*. Ahmad Hidayat Buang (ed.). Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya.
- Al-Sabuniyy, Muhammad 'Aliyy. 2007. *Rawa'i' al-Bayan: Tafsir Ayat al-Ahkam Min al-Qur'an*, T.tpt: Dar Al-Sabuniyy.
- Al-Suyutiyy, 'Abd al-Rahman ibn Abi Bakr Jalal al-Din. 1990. *Al-Ashbah wa al-Naza'ir*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Tirmidhiyy, Abu 'Isa Muhammad. 2010. *al-Jami' al-Kabir (Sunan al-Tirmidhiyy)*. Shu'ayb & Haytham (ed.). Bayrut: al-Risalat al-'Alamiyyah.
- T.p. t.t. *Ringkasan Shahih Muslim*. Imam al-Mundziri (comp.). Jakarta: Pustaka Amani.
- Zaydan, 'Abd al-Karim. 2002. *Usul al-Da'wah*. Bayrut: Mu'assasat al-Risalah.
- Zulkifli al-Bakri. 2011. *Monograf Ifta' (Siri 2)*. Mohamad, Aminudin, Nor Safina, Abd. Karim & Mohd. Salehin (ed.) Putrajaya: JAKIM.

Zulkifli al-Bakri. 2020. *Soal Jawab Fiqh Covid19*. Putrajaya: T.pt.

Jurnal

- 'Abd Al-Rahman. 2007. *al-Fatwa: Ahammiyyatuha - Dawabituha - Atharuha*. (Tesis). Bahth Muqaddam Li Nayl Ja'izah Nayf Bin 'Abd al-'Aziz 'Aliyy Sa'ud al-'Alamiyyah Li al-Sunat al-Nabawiyah Wa al-Dirasat al-Islamiyyah al-Mu'asirah.
- Ahmad Mukhlisin, Aan Suhendri & Muhammad Dimiyati. 2018. *Metode Penetapan Hukum Dalam Berfatwa*. Al-Istinbat: *Jurnal Hukum Islam*, Jld. 3, Disember, h. 174-175.
- Mohd Faez, Noor Naemah. 2014. *Kepentingan Kaedah Penyelidikan Moden Dalam Fatwa Semasa*. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, April, h. 75-85.
- Nur Inani & Wan Norhaniza. 2019. *Analisis Epistemologi Islam dalam Fiqh Keutamaan*. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, Jld. 6, (e-ISSN: 2289-804), Jun, h. 18-27.
- Ummi Farahin, Noor Naemah & Mohd Faez. 2013. *Pengambilkiraan Realiti Semasa Dalam Berfatwa: Analisis Terhadap Fatwa Zakat Di Selangor*. *Jurnal Fiqh*, Disember, h. 91-93.

Akta

Malaysia. 1998. Akta Pencegahan Pengawalan Penyakit Berjangkit.

Internet

- 'Allam, Ibrahim Syauqi. 2020. *Fatawa al-Nawazil Waba' Kurona Covid-19*. Dar al-Ifta' al-Misriyyah. Diakses pada 10 Ogos 2020. <https://www.daralifta.org/ar/Nawazelfatwaedit.pdf>.
- Bala'u, Muhammad 'Aliyy. 2020. *Nawazil al-Awbi'ah*. Diakses pada 30 September 2020. file:///C:/Users/asus/Downloads/نوازل%٢٠الأوبئة.pdf
- Bayan Linnas Siri Ke-179: *Metodologi Jawapan Hukum Dan Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan*. Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Diakses pada 9 Oktober 2020. https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3440-bayan-linnas-siri-ke-179-metodologi-jawapan-hukum-dan-fatwa-mufti-wilayah-persekutuan#_ftn3.
- Bayan Linnas Siri Ke-225: *Covid-19: Fatwa-Fatwa Terkini Berkaitan Penangguhan Solat Jumaat Dan Solat Berjemaah*. Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Diakses pada 7 Oktober 2020. <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/4338-bayan-linnas-siri-ke-225-covid-19-fatwa-fatwa-terkini-berkaitan-penangguhan-solat-jumaat-dan-solat-berjemaah>.
- Coronavirus Disease (COVID-19) in Malaysia*. Laman Sesawang World Health Organization (WHO). Diakses pada 9 Ogos 2020. [https://www.who.int/malaysia/emergencies/coronavirus-disease-\(covid-19\)-inmalaysia](https://www.who.int/malaysia/emergencies/coronavirus-disease-(covid-19)-inmalaysia).
- Coronavirus Disease (COVID-19) Advice For the Public: When And How To Use Masks*. Portal World Health Organization. Diakses pada 9 Ogos 2020. <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/advice-for-public/when-and-how-to-use-masks>
- Fahmi Abdul Khir. 2010. *Fiqh al-Awlawiyat, Konsep serta Aplikasi Masakini*. Seminar Fiqh al-Awlawiyat (Keutamaan) dalam Mendepani Isu Semasa Umat Islam. Diakses pada 7 Ogos 2020. mfiadoc.com_fiqhalaulawiyatkonsepsertaalplikasimasakinipd_5a316cbd1723dd5f4705a0cc.pdf.
- Fatwa Majelis Ulama Indonesia Nomor 14 Tahun 2020 Tentang Penyelenggaraan Ibadah dalam Situasi Terjadi Wabah COVID-19*. Portal Satuan Tugas Penanganan Covid-19.

- Diakses pada 7 Ogos 2020. <https://covid19.go.id/p/protokol/fatwa-majelis-ulama-indonesia-nomor-14-tahun-2020-tentang-penyelenggaraan-ibadah-dalam-situasi-terjadi-wabah-covid-19>.
- Fatwa Majelis Ulama Indonesia Nomor 31 Tahun 2020 tentang Penyelenggaraan Shalat Jum'at Dan Jamaah Untuk Mencegah Penularan Wabah Covid-19*. Portal Majelis Ulama Indonesia Provinsi Sumatera Utara. Diakses pada 10 Oktober 2020. <https://www.muisumut.com/blog/2020/06/05/penyelenggaraan-shalat-jumat-dan-jamaah-untuk-mencegah-penularan-wabah-covid-19/>
- Fiqh al-Aulawiyat*. Laman sesawang Huda al-Madani. Dicapai pada 9 Ogos 2020. <http://hudamadani.blogspot.com/2009/12/fiqhalawlawiyyat.html>.
- Garis Panduan Ibadah di Masjid, Surau Dah Siap*. Portal Harian Metro. Diakses pada 7 Ogos 2020. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/574385/garis-panduan-ibadah-di-masjid-surau-dah-siap>.
- Garis Panduan Pengeluaran Fatwa Di Malaysia*. Laman Web Rasmi Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Diakses pada 22 September 2020. http://esmaf.islam.gov.my/esmaf/assets/files/garis_panduan/a7e239efb5ffed79171b923ee948c010.pdf
- Al-Ifta' Bayna al-Lughah Wa al-Shar'*. Laman Web Rasmi Dar al-Ifta' al-Misriyyah al-Fatawa. Diakses pada 8 Oktober 2020. <https://www.daralifta.org/AR/ViewFatawaConcept.aspx?ID=%2040#1>.
- Irsyad al-Fatwa Siri Ke-480: Susunan Saf Solat Jenazah Semasa Berlakunya Wabak*. Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Diakses pada 9 Oktober 2020. <https://www.muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4406-irsyad-al-fatwa-siri-ke-480-susunan-saf-solat-jenazah-semasa-berlakunya-wabak>.
- Al-Kafi #915: Hukum Solat Dengan Memakai Penutup Muka (Face Mask)*. Laman Web Rasmi Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. Diakses pada 7 Oktober 2020. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2798-al-kafi-915-hukum-solat-dengan-memakai-penutup-muka-face-mask>.
- Kenyataan Media MKN: Perincian Perintah Kawalan Pergerakan*. Laman Web Rasmi Pejabat Perdana Menteri Malaysia. Diakses pada 5 Ogos 2020. <https://www.pmo.gov.my/2020/03/kenyataan-media-mkn-18-mac-2020/>.
- Kes Pertama Koronavirus Di Malaysia, Tiga Warga China Kini Dirawat Di Hospital Sungai Buloh*. Portal Astro Awani. Diakses pada 9 Oktober 2020. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-pertama-koronavirus-di-malaysia-tiga-warga-china-kini-dirawat-di-hospital-sungai-buloh-228989>.
- Kes Pertama 2019-Ncov Babitkan Rakyat Malaysia*. Portal Berita Harian Online. Diakses pada 9 Ogos 2020. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/652501/kes-pertama-2019-ncov-babitkan-rakyat-malaysia>.
- Paizah Hj Ismail. 1997. *Fiqh Al-Awlawiyyat: Konsep dan Hubungannya dengan Fiqh al-Muwazanat, Fiqh al-Syar' dan Fiqh al-Waqi' dalam Pelaksanaan Hukum Islam*. Seminar Hukum Islam Semasa Peringkat Kebangsaan. Diakses pada 7 Ogos 2020. <http://eprints.um.edu.my/13720/1/All.pdf>.
- Uyayyinah. 2016. *Implementasi Fiqh Al-Awlawiyah Pada Prioritas Kebutuhan Mustahik Dalam Distribusi Zakat: Studi Komparasi Di Badan Amil Zakat (Baz) Pamekasan Daan Lembaga Amil Zakat, Infaq Dan Shadaqah Muhammadiyah (Lazismu) Pamekasan Dan Baitul Maal Hidayatullah (BMH) Pamekasan*. Laman sesawang Digital Library UIN Ampel Surabaya. Diakses pada 9 Ogos 2020. <http://digilib.uinsby.ac.id/id/eprint/14469>.
- WHO Isytihar Wabak COVID-19 Pandemik*. Portal Berita Harian Online. Diakses pada 9 Ogos 2020.

<https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/03/664515/who-isytihar-wabak-covid-19-pandemik>.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.